



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP**

SEMPENA

**“MAJLIS FYS QUARRYMAN APPRECIATION
DINNER 2017”**

21 NOVEMBER 2017 (SELASA)

7.15 PETANG

FYS QUARRY (JALAN BERAPIT, BUKIT MERTAJAM)

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Encik Zeema Foo Kheng Sin

Chairman FYS Marketing Sdn.Bhd.

Yang Dihormati Encik Enter Foo Lieh Sin

Managing Director of FYS Marketing Sdn. Bhd.

Ahli Majlis MPSP

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran MPSP

Kakitangan-Kakitangan

FYS Marketing Sdn.Bhd.

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Foo Yen Soo (FYS) Quarryman Appreciation Dinner 2017.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada

Syarikat FYS Marketing Sdn.Bhd. kerana sudi menjemput saya untuk memberikan ucapan sempena majlis makan malam menghargai kejayaan-kejayaan FYS Marketing Sdn. Bhd. Tidak lupa juga ucapan Tahniah daripada MPSP kepada FYS Marketing Sdn.Bhd. kerana berjaya menggondol dua anugerah iaitu “Award Of Excellence 2017” daripada Institute Of Quarrying Malaysia (IQM) dan “Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2017 Kategori Perlombongan dan Penguarian daripada *National Council For Occupational Safety and Health (National OSH)*. Tahniah kerana pertama kali memasuki anugerah ini dan terus menggondol kemenangan. Sejalan dengan tema FYS Marketing Sdn. Bhd. iaitu Inovatif, Teras, Keunggulan.

Majlis Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKPP) yang dianjurkan oleh Majlis Negara adalah merupakan acara tahunan bagi bertujuan memberi pengiktirafan kebangsaan kepada tokoh, media, wartawan dan organisasi- organisasi daripada pelbagai sektor industri yang mempunyai rekod pencapaian yang cemerlang dalam pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

MPSP juga begitu menitikberatkan soal pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Oleh sebab itu, MPSP juga telah

dipersijilkan dengan Sijil OHSAS 18001:2007 (OSHMS) sejak 28 Ogos 2013 daripada (*National Institute Of Occupational Safety and Health*). MPSP akan memastikan pelaksanaan sistem pengurusan berteraskan kualiti akan sentiasa berterusan. Malah akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa kerana ianya adalah kerja seharian kita.

Saya juga telah dimaklumkan yang Syarikat FYS Marketing Sdn. Bhd. juga turut sama- sama dengan MPSP dalam menjayakan aktiviti kitar semula, *Composting*, Makan sampai habis dan *Zero Waste*. Terima kasih dan syabas saya ucapkan. Saya berharap banyak lagi syarikat di luar sana yang turut sama akan terlibat menjayakan semua usaha-usaha MPSP. Marilah kita memupuk sikap menjadikan kitar semula sebagai satu amalan harian. MPSP telah memperkenalkan konsep *MPSP Smart Consumption Model* (Model MPSP berhubung Penggunaan Bijak). Ia merangkumi 8R seperti berikut:-

- 1) *Rethink (Be mindful of your consumption, your relationship with 'things' and your relationship with the Earth)*
- 2) *Refuse (Don't consume what you don't need to)*
- 3) *Reduce (Reduce consumption of energy and materials)*
- 4) *Re-use (Share with others. Find new uses for old objects)*
- 5) *Repair (Fix or upgrade your objects rather than throwing them away)*

- 6) *Re-gift (Share, and be a part of the gift company)*
- 7) *Recover (Energy and materials recovery and **UPCYCLE**)*
- 8) *Recycle (Close the loop and remake)*

Oleh itu, saya berharap kita dapat menjadi *game changer* dan melaksanakan 8R untuk menjamin persekitaran yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Pada 18 November 2017 yang lalu, MPSP ada mengadakan Sesi “Town Hall Konsultasi Pembentukan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022”. Kita menjemput semua stakeholders di Seberang Perai, JKKK, Komuniti, Agensi Kerajaan dan swasta datang dan memberi pendapat dan pandangan mengenai impian Seberang Perai di masa hadapan menjelang tahun 2022. Pelan Strategi ini merupakan Pelan lima (5) tahun dan merupakan satu perancangan atau komitmen MPSP kepada semua stakeholders di Seberang Perai dalam menjayakan visi dan misi MPSP.

Seberang Perai ini bukan milik Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Perbandaran atau MPSP. Tetapi Seberang Perai adalah “City For All dan justeru *“No One Should Be Excluded”* dan

inklusif. Seberang Perai milik kita bersama. Begitu juga tidak ketinggalan syarikat-syarikat swasta yang berada di Seberang Perai yang menjalankan perniagaan di sini.

Marilah bersama –sama dengan saya untuk mencapai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022. Tuan-tuan dan puan-puan juga boleh memainkan peranan yang penting sekiranya kita ingin lihat Seberang Perai menjadi bandar impian yang diidam-idamkan seperti bandar-bandar luar dunia yang hebat. Antara usaha-usaha yang boleh dibuat bersama ialah:

- i. Kurangkan sampah, kurang carbon emissions. Lakukan pengasingan sisa di punca dengan sebaiknya. Untuk makluman, MPSP telah memperuntukan 34.8% atau RM102.17 juta daripada keseluruhan peruntukan perbelanjaan pada tahun 2018 untuk melaksanakan kerja pembersihan dan pelupupusan sisa. Jika wang ini dapat diijamatkan dengan peningkatan dalam kitar semula kita, nescaya wang perbelanjaan ini dapat disalurkan kepada kepada peningkatan infrastruktur untuk aspek keselamatan yang merupakan merupakan perkara utama kehendak stakeholders Seberang Perai melalui Online Survey yang MPSP lakukan disamping aspek keindahan dan kehijauan.
- ii. Melibatkan diri dengan program-program MPSP seperti Anugerah Sekolah Hijau, Anugerah Komuniti Mampan,

Program Sisa Sifar, Kempen Makan Sampai Habis, Penghasilan cecair BIM, Program UPCYCLE atau pertanian. Selama ini, urban farming ini banyak dilakukan oleh sekolah-sekolah atau komuniti. Mungkin FYS Marketing Sdn. Bhd., sekiranya mempunyai ruang atau kawasan yang bersesuaian, boleh menjadikan *urban farming* satu program kakitangan. MPSP sedia membantu dalam memberi khidmat nasihat.

- iii. Boleh mewujudkan pengurusan tenaga baharu seperti SOLAR. Untuk makluman semua, MPSP telah mengorak langkah dengan memasang sebanyak 220 unit panel solar di bumbung tempat letak motosikal pekerja MPSP, Bandar Perda. Solar yang dipasang ini dapat mengeluarkan tenaga sebanyak 6130kWH sebulan. Dengan tariff TNB RM0.365/kWH sekarang ini, MPSP menjangkakan kita boleh menjimatkan RM2,237 sebulan. Usaha ini adalah usaha awal yang kita mulakan pada 15 Sept 2017 yang lalu.
- iv. Pemasangan lampu Jenis tiub LED. Contohnya di bangunan MPSP Perda, kita telah memasang sebanyak 585 unit lampu LED dan kadar penjimatan adalah RM10,548.00. Begitu juga dengan garis panduan pemasangan Lampu LED ke atas bangunan-bangunan yang akan diserahkan kepada MPSP.

- v. MPSP juga akan berusaha untuk menggantikan 10,000 batang tiang lampu milik MPSP yang sebelum ini adalah jenis High Pressure Sodium Vapour (HSPV) kepada Lampu jenis LED.
- vi. Program-program kehijauan melalui Program Corporate Social Responsibility. MPSP masih mempunyai lapan(8) kawasan di daerah SPU, empat belas (14) di daerah SPT dan sepuluh (10) di daerah SPS yang masih belum mempunyai penajaan. Saya menjemput mana-mana syarikat yang berminat untuk bersama-sama dengan MPSP dalam menghijaukan kawasan Seberang Perai melalui CSR.
- vii. Penyediaan Laluan Berbasikal merupakan usaha MPSP untuk menggalakkan amalan berbasikal adalah amalan utama untuk ke arah Bandaraya Rendah Karbon. MPSP telah mengenal pasti beberapa lokasi yang sesuai untuk menjadi peneraju utama dalam usaha ini seperti contoh MPSP telah siap membina laluan berbasikal di Taman Merbau, Bagan Ajam pada 31 Oktober 2017 dan MPSP juga akan membuat perancangan laluan berbasikal sepanjang 1.1km di rizab parit monsun Bandar Perda, Jalan Perda Barat, SPT.
- viii. Saya juga berharap agar operasi kuari lebih environmental friendly.

ix. Kurangkan penggunaan air sebanyak 10%.

Akhir kata, saya berharap dengan adanya 7Ps People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet dan Partnership, Seberang Perai akan mencapai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar pada tahun 2022. MPSP juga berharap agar lebih banyak syarikat di luar sana yang mencontohi FYS Marketing Sdn. Bhd. dalam menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat buat semua kakitangan di samping terlibat secara aktif dengan program MPSP. Saya berharap agar FYS. Marketing Sd. Bhd. akan terus mengorak langkah mencapai kejayaan yang diingini.

Sekian, terima kasih dan assalamualaikum.